

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 44

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan terhadap dakwaan pemberi maklumat (2018) bahawa kontrak perubatan Kementerian Kesihatan 2013-2016 sebanyak RM3.7 bilion dimonopoli oleh tiga ejen tender utama. Satu laporan berkait dengan isu ini telah dibuat dengan SPRM pada 22 Jun 2018.

JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Klang, hasil siasatan SPRM mendapati proses perolehan yang diputuskan oleh Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah mengikut prosedur yang ditetapkan dan pihak KKM menggunakan Prosedur Standard Kerajaan dimana KKM juga membuat rundingan harga dengan agen yang dipilih sebagai langkah penjimatan.
2. Pihak KKM juga telah dipanggil oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 25 Jun 2018 bagi menjawab isu monopoli oleh syarikat pembekalan ubat-ubatan. Tiada monopoli dalam sistem perolehan KKM kerana ia dibuat secara tender terbuka di mana agen yang dilantik prinsipal boleh menyertai tender tanpa had bilangan tender. Daripada 20 agen yang berdaftar dengan KKM hanya satu agen yang gagal memperoleh tender pembekalan ubat-ubatan sepanjang 2013 hingga 2016.
3. Isu ini tiada hubungkait dengan jenayah/salah laku rasuah tetapi sistem dan pentadbiran pemilihan oleh KKM ini telah terbentuk sejak Kerajaan terdahulu. Walau bagaimanapun, pihak KKM boleh merombak dan menilai kembali sistem terdahulu untuk penambahbaikan sistem dan prosedur sedia ada.

Sekian, terima kasih.